

29/04/2003

Pakej tumpu usaha perkukuh ekonomi

KANGAR: Pakej rangsangan ekonomi yang dijangka diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bulan depan akan memberi tumpuan kepada usaha mengukuhkan daya saing negara dan meningkatkan penggunaan produk tempatan.

Menteri Kewangan Kedua, Datuk Dr Jamaluddin Jarjis, berkata turut menjadi tumpuan ialah kaedah mempertahankan sektor pelancongan yang terjejas berikutan serangan wabak Sindrom Pernafasan Yang Teruk (SARS).

"Dua fokus utama pakej itu ialah bagaimana mahu memastikan negara terus dapat bersaing dengan negara lain dan mempercepatkan pelaksanaan projek untuk menjana ekonomi dalaman," katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat Umno bahagian Arau, di sini, semalam.

Jamaluddin berkata, aspek mempercepatkan pelaksanaan projek itu termasuk

menentukan proses pembangunan seperti sijil layak menduduki (CF), permohonan tanah dan tempoh pembuatan keputusan jabatan kerajaan.

Katanya, selain keperluan kepada pelaburan asing langsung (FDI), kerajaan mahu mengukuhkan ekonomi domestik dengan meningkatkan penggunaan bahan tempatan.

"Kita mahu orang datang melabur (FDI), tetapi kita juga akan alihkan kepada sumber dalaman yang asasnya ialah kepenggunaan," katanya.

Beliau berkata, menerusi pakej itu, kerajaan akan menggariskan kaedah bagi memastikan kepenggunaan domestik kekal pada kadar yang baik.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata, projek pembangunan yang diluluskan di bawah pelbagai kementerian tetap diteruskan selepas ditentukan keutamaannya selaras dengan dasar perbelanjaan berhemah kerajaan.

"Akan ada projek yang dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kelapan dan sesetengahnya Rancangan Malaysia Kesembilan bergantung kepada keutamaan dan kemampuan kerajaan," katanya.

Bagaimanapun, beliau berkata, projek yang dilaksanakan itu perlu mengutamakan penggunaan sumber tempatan supaya menjana ekonomi domestik.

Beliau berkata, langkah itu diambil untuk memastikan kedudukan kewangan negara terus kukuh.